

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur,

7hb. April, 1971,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1971

Tuan,

**Penyata Bulanan di-atas kedudukan kepegawaian
Jabatan Bahagian I, II dan III di- Malaysia
Barat.**

Berhubung dengan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1971](#) ada-lah di-putuskan sekarang ia-itu mulai dari tarikh 1hb. Mei, 1971 Penyata Bulanan di-atas kedudukan kepegawaian itu hendak-lah meliputi semua jawatan dalam Bahagian I, II dan III dan lagi Penyata itu hendak-lah juga meliputi semua jawatan Persekutuan dan jawatan Negeri di-Malaysia Barat. Yang Berhormat Setiausaha2 Kerajaan Negeri sedang di-hubungi mengenai jawatan2 Negeri.

2. Ketua2 Setia Usaha Kementerian/Ketua2 Jabatan/Ketua2 Bahagian mengikut mana yang berkenaan ada-lah di-minta mengisi 2 salinan borang penyata seperti di-Lampiran 'A' tiap-tiap bulan. Panduan mengenai chara mengisi borang penyata itu ada-lah saperti di-[Lampiran 'B'](#). Kementerian2/Jabatan2/Bahagian2 yang di-kehendaki mengisi borang penyata itu ada-lah di-senaraikan di-[Lampiran 'C'](#).

3. Penyata bulanan hendak-lah berdasarkan kepada jawatan2 yang ada di-dalam Anggaran Belanja Mengurus (Senarai Perjawatan) yang berkenaan. Dengan demikian, Ketua2 Setia Usaha Kementerian/Ketua2 Jabatan/Ketua2 Bahagian hanya di-kehendaki mengisi Penyata bagi jawatan dalam Anggaran Persekutuan saja. Dengan demikian Ketua2 Setiausaha/Ketua2 Jabatan/Ketua2

Bahagian jangan-lah mengambil kira pegawai2 Persekutuan yang mengisi jawatan2 di-dalam Anggaran Perbelanjaan Negeri. Bagi jawatan yang ternyata di-dalam Anggaran Perbelanjaan Negeri, (misal-nya jawatan Pegawai Daerah, Jurutera Daerah dan lain2), Penyata akan di-sediakan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Oleh itu borang seperti di-Lampiran 'A' Surat Pekeliling, ini ada-lah berbedza sedikit daripada borang di-lampiran 'A' kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1971.](#)

4. Dapat di-perhatikan bahawa bagi maksud Penyata Bulanan ini maseh di-gunakan taraf Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III. Ini maseh perlu di-gunakan kerana sistem gaji baharu mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) itu maseh dalam perlaksanaan.

5. Borang Penyata hendak-lah di-isi untuk menunjukkan kedudukan kepegawaian pada 1 haribulan tiap2 bulan bermula dari 1hb. Mei, 1971. Borang penyata yang telah di-

isi hendak-lah di-hantar dalam 2 salinan oleh Ketua Setia Usaha Kementerian/Ketua2 jabatan/Ketua Bahagian seperti senarai di-[Lampiran 'C'](#) terus kepada:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
(Chawangan Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan),
d/a Bahagian Kemajuan Pentadbiran,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.

Satu salinan borang penyata yang telah di-isi oleh Ketua2 Jabatan di-bawah satu2 Kementerian hendak-lah di-hantar kepada Ketua2 Setia Usaha Kementerian yang berkenaan untuk rekod.

6. **Borang penyata yang telah di-penohi hendak-lah sampai kepada alamat di-atas pada atau sa-belum 7 haribulan tiap-tiap bulan; mithal-nya penyata bagi kedudukan pada 1hb. Mei, 1971 hendak-lah sampai pada atau sa-belum 7hb. Mei, 1971.** Bersama ini di-sertakan borang2 untuk kegunaan beberapa bulan sahaja. Kementerian/Jabatan/Bahagian hendak-lah membuat borang yang di-hantar ini telah habis.

7. Apabila penyata yang pertama (ia-itu bagi kedudukan 1hb. Mei, 1971) telah di-kemukakan penyata bagi bulan-bulan yang berikut-nya akan berubah.

- (a) dengan wujud-nya jawatan2 baharu melalui Waran Perjawatan;
- (b) kerana pengambilan serta lantikan pegawai2 baharu;
- (c) kerana pengosongan (attrition) melalui persaraan, perletakan jawatan, pembuangan kerja dan lain2.

Apabila berlaku sebarang perubahan, Ketua Jabatan hendak-lah menchatetkan perubahan di-dalam salinan Penyata Bulanan (bagi bulan yang terdahulu-nya) yang di-simpan oleh Ketua Jabatan. Misal-nya perubahan yang berlaku pada atau setelah 2hb. Mei hendak-lah di-chatatkan di-dalam salinan Penyata Bulanan bagi kedudukan 1hb. Mei. Dengan demikian Penyata bagi kedudukan pada 1hb. Jun senang di-sediakan, ia-itu dengan mengurang atau menambahkan perubahan yang telah di-chatetkan itu daripada Penyata bagi kedudukan 1hb. Mei tadi. Di mana perubahan2 itu (mithal-nya sa-orang pegawai baharu melaporkan diri atau sa-orang pegawai meletakkan jawatan) berlaku di-chawangan atau sekshen; chawangan atau sekshen itu hendak-lah melaporkan perubahan2 tersebut kepada Ibu Pejabat dengan serta merta supaya Ibu Pejabat dapat menchatitkan perubahan2 tersebut.

8. Ketua2 Setia Usaha / Ketua2 Jabatan ada-lah di-minta mengemukakan sebarang chadangan jika ada, untuk memperbaiki chara2 pengisian borang penyata itu.

9. [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1971](#) ada-lah di-batalkan mulai dari 30hb. April, 1971. Walau bagaimana pun Borang Penyata mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1971](#) maseh di-kehendaki bagi kedudukan pada 1hb. April, 1971.

Saya yang menurut perintah,

(Khalid Bin Haji Ismail)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua2 Setia Usaha Kementerian

Semua Ketua2 Jabatan Persekutuan (dengan sechukup salinan untuk Bahagian2).

s.k. Pengarah,
Bahagian Kemajuan Pentadbiran,
Jabatan Perdana Menteri,
Malaysia.
Kuala Lumpur.

**Panduan untuk memenohi Borang Penyata
mengenai kedudukan kepegawaian di
Kementerian2 / Jabatan2 dalam Bahagian I,
II dan III di-Malaysia Barat.**

- CHATETAN** (a) Angka2 di-dalam penyata ini ada-lah mengenai jawatan2 dan pegawai2 yang berkhidmat di-Malaysia Barat sahaja. Oleh itu jawatan2 dan pegawai2 yang berkhidmat di Malaysia Timor dan di-luar negeri hendak-lah di-kechualikan.
- (b) Bilangan jawatan yang di-nyatakan hendak-lah meliputi semua jawatan2 yang ada dalam sa-suatu Kepala Bekalan Anggaran Perbelanjaan.
- Ruang 1** Masokkan bilangan Kepala Bekalan di-baris kosong yang di-sediakan.
- Kepala
- Bekalan
- Ruang 2** Masokkan nama Negeri jika jawatan2 ini di-bayar dari Anggaran Perbelanjaan sa-suatu Negeri. Kementerian2 dan Jabatan2 Persekutuan tidak perlu mengisikan ruang ini.
- Puncha
- Anggaran
- Perbelanjaan
- Ruang 3** Masokkan nama Kementerian, Jabatan atau Bahagian.
- Nama
- Kementerian
- atau Jabatan
- Ruang 4** Ruang ini hendak-lah menyatakan jumlah bilangan jawatan2 di-bawah KEPALA BEKALAN bagi jawatan2 dalam Bahagian I, II dan III yang ada ujud pada 1hb bulan yang di-liputi oleh Borang Penyata ini. Ini termasuk-lah jawatan yang di-ujudkan melalui Waran Perjawatan yang tarikh ujud-nya ia-lah pada atau sebelum 1hb. bulan yang di-liputi oleh penyata. Bilangan jawatan termasuk-lah jawatan sementara, jawatan tambahsentara, jawatan konterek dan jawatan Tingkatan tertinggi. Angka bilangan jawatan di-dalam ruang 4 ini hendak-lah sama banyak dengan bilangan jawatan di-bawah Kepala Bekalan yang berkenaan di-dalam Buku Anggaran Belanja Mengurus (Senarai Perjawatan).
- Bilangan
- Jawatan
- Mengikut
- Taraf
- Bahagian
- Pegawai
- Ruang 5** Ruang ini hendak-lah menyatakan bilangan jawatan yang di-isi oleh pegawai2 tetap dan pegawai2 konterek sahaja. Bagi maksud ini jawatan2 yang di-isi sechara memangku dengan sepenoh masa ada-lah di-anggap sebagai telah di-penohi sechara tetap. Di-mana sa-orang pegawai tetap memangku jawatan yang lebih tinggi di-samping menjalankan tugas2 jawatan-nya sendiri, jawatan yang di-pangku itu di-anggap sebagai kosong.
- Pegawai
- Tetap
- dan Konterek

Ruang 6	Ruang ini hendak-lah menyatakan bilangan jawatan yang di-isi oleh pegawai2 sementara termasuk pesara2 yang di-ambil bekerja semula.
Pegawai	
Sementara	
dan Pesara	
Bekerja	
Semula	
Ruang 7	Angka di ruang 7 ini ada-lah di-dapati dengan menolak angka ruang 5 dan 6
Bilangan	daripada angka ruang 4, ia-itu ruang $(4) - [(5) + (6)]$.
Kekosongan	
Ruang 8	Peratusan kekosongan di-dapati dengan mengkalikan angka ruang 7 dengan 100 dan kemudian membahagikan-nya dengan angka ruang 4, ia-itu Ruang $\frac{(7) \times 100}{(4)}$
Peratusan	
Kekosongan	
Ruang 9	Masukkan bilangan pengosongan (attrition), termasuk pengosongan jawatan kerana pegawai bersara, meletakkan jawatan di-buang kerja, di-berhentikan kerja, atau meninggal dunia yang berlaku pada atau sa-belum 1hb bulan yang di-liputi oleh penyata.
Pengosongan	
Ruang 10	Pengisian (recruitment) ada-lah di-maksudkan pegawai yang telah di-lantek sechara resmi dan telah mula bertugas pada atau sabelum 1hb bulan yang di-liputi oleh penyata. Mereka yang telah di-tawarkan jawatan tetapi belum mulai bertugas hendak-lah di-kechualikan.
Pengisian	

SENARAI KEMENTERIAN2/ JABATAN2/ BAHAGIAN2 YANG DI-KEHENDAKKI
MENGISI BORANG PENYATA MENGIKUT [SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.](#)
[5 TAHUN 1971](#)

Bil. Turutan	Kepala/Bekalan 1971 Anggaran Perbelanjaan (Senarai Perjawatan)	Nama Kementerian / Jabatan / Bahagian
1	B.1	Parlimen
2	B.2	Majlis Raja Raja
3	B.3	Juru Odit Negara
4	B.4	Surohanjaya Pilehanraya
5	B.5	Surohanjaya Perkhidmatan Awam
6	B.6	Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi <u>PERDANA MENTERI</u>
7	B.7	Perdana Menteri
8	B.9	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
9	B.10	Jabatan Kehakiman
10	B.11	Muzium Negara
11	B.12	Arkib Negara
12	B.13	Perangkaan <u>KEMENTERIAN PERTANIAN & TANAH</u>
13	B.14	Kementerian Pertanian & Tanah
14	B.14	Bahagian Kajiteknik Makanan
15	B.14	Bahagian Pertanian
16	B.14	Bahagian Parit & Taliayer
17	B.14	Bahagian Haiwan

18	B.14	Bahagian Perikanan
19	B.15	Jabatan Tanah Persekutuan
20	B.16	Jabatan Galian
21	B.17	Jabatan Ukor
22	B.18	Jabatan Penyiasat Kajibumi
23	B.19	Jabatan Perhutanan
24	B.20	Jabatan Mergastua
25	B.21	Jabatan Orang Asli
26	B.22	<u>KEMENTERIAN PERDAGANGAN</u> <u>& PERUSAHAAN</u>
27	B.23	<u>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,</u> <u>BELIA & SOKAN</u>
28	B.24	<u>KEMENTERIAN PERTAHANAN</u>
29	B.25	<u>KEMENTERIAN PELAJARAN</u>
30	B.28	<u>KEMENTERIAN LUAR NEGERI</u> <u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u>
31	B.29	Perbendaharaan
32	B.29	Bahagian Kira-Kira
33	B.29	Bahagian Penilaian
34	B.32	Kastam & Eksais di-Raja (Malaysia Barat)
35	B.33	Jabatan Hasil Dalam Negeri (Malaysia Barat)
		<u>KEMENTERIAN KESIHATAN</u>
36	B.34	Kementerian Kesihatan
37	B.35	Jabatan Kimia
		<u>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM</u> <u>NEGERI</u>
38	B.36	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
39	B.37	Polis di-Raja Malaysia

40	B.38	Jabatan Imigresen
41	B.39	Pendaftar Pertubohan
42	B.40	Jabatan Pendaftaran Negara
43	B.41	Penjara
44	B.42	Jabatan Pertahanan Awam
45	B.43	Jabatan Perchetakan

Bil. Turutan	Kepala/Bekalan 1971 Anggaran Perbelanjaan (Senarai Perjawatan)	Nama Kementerian / Jabatan / Bahagian
46	B.44	<u>KEMENTERIAN PENERANGAN</u> Kementerian Penerangan
47	B.45	Jabatan Penyiaran
48	B.46	Jabatan Penerangan
49	B.47	<u>PEGUAM NEGARA</u> Jabatan Peguam Negara
50	B.48	Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pusaka dan Penyimpan Harta Musoh
51	B.49	Jabatan Kebankrapan
52	B.50	<u>KEMENTERIAN BUROH</u> <u>KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELIDIKAN & KERAJAAN TEMPATAN</u>
53	B.51	Kementerian Teknologi, Penyelidikan & Kerajaan Tempatan
54	B.52	Peranchangan Bandar dan Kampong
55	B.53	Perkhidmatan Bomba <u>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA & LUAR BANDAR</u>

56	B.54	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar
57	B.55	Jabatan Kemajuan Kerjasama (Malaysia Barat)
		<u>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</u>
58	B.56	Kementerian Pengangkutan
59	B.57	Penerbangan Awam
60	B.59	Perkhidmatan Kajichuacha
61	B.60	Jabatan Laut
62	B.62	Pengangkutan Jalan
63	B.63	<u>KEMENTERIAN PERKHIDMATAN</u> <u>KEBAJIKAN AM</u>
		<u>KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS & TALIKOM</u>
64	B.64	Kementerian Kerja Raya, Pos & Talikom
65	B.64	Ibu Pejabat Kerja Raya (Malaysia Barat)
66	B.65	Perkhidmatan Pos (Malaysia Barat)
67	B.66	Jabatan Talikom (Malaysia Barat)